



**FALKUTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT
JOHOR**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENOLONG PENGUASA
POLIS ASP ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU MENYERTAI MISI PENGAMAN
DIBAWAH PANJI PERTUBUHAN BANGSA BERSATU DI
SUDAN**

MOHAMAD NAZHIS BIN AZMI (2013297294)

IZZAT AIMAN BIN BAHARUDIN (2013602396)

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN
MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR DAN
PUAN AZURA ABD JAMIL KAMARUDZZAMAN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604-DOKUMENTASI
SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (SEP-JAN 2014)

DIS 2014

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	1-2
ABSTRAK.....	3-4
PENGENALAN.....	5-7
BIODATA TOKOH.....	8
TRANSKRIP TEMUBUAL.....	9-50
SOALAN TEMUBUAL.....	51-57
LOG TEMUBUAL.....	58-62
PENYELIDIKAN DIARI.....	63-65
RALAT.....	66-67
SINGKATAN KATA.....	68-69
LAMPIRAN.....	70-71
INDEKS.....	72-77

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kami kepada Allah S.W.T kerana member kami limpah dan kurnia serta kekuatan dalam menyiapkan tugas temubual bersama ASP Abdul Rahim b Abdullah, Ketua Cawangan Narkotik Rembau, Negeri Sembilan Polis Diraja Malaysia mengenai kepolisan dan keselamatan Malaysia. Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada ASP Abdul Rahim b Abdullah kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual serta kerjasama tulus yang diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak ASP Abdul Rahim b Abdullah mungkin kami tidak dapat menyiapkan wawancara dan penyelidikan ini dengan sempurna.

Kami juga ingin mengucapkan sejuta penghargaan kepada Puan Azura Abd Jamil Kamarudzzaman, pensyarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR 604) kami di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Tanpa tujuk ajar beliau, sudah tentu proses untuk menyiapkan tugas ini tidak berjalan dengan lancar dan outputnya mesti tidak sempurna.

Selain itu, kami ini juga menyampaikan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan dan pelajar senior turut tidak lupa keluarga kami yang membantu kami dari belakang baik daripada sokongan tunjuk ajar, kewangan dan galakan.

Sekian terima kasih,

Wassalam.

Temubual ini adalah antara Mohamad Nazhis b Azmi dan Izzat Aiman b Baharudin bersama ASP Abdul Rahim b Abdullah, Ketua Cawangan Narkotik Rembau, Negeri Sembilan Polis Diraja Malaysia. Beliau mempunyai pelbagai pengalaman dalam kepolisan dan keselamatan Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat di luar Negara iaitu Sudan, Africa. Beliau juga secara tidak langsung terlibat dalam memberi ceramah-ceramah kesedaran penyalahgunaan dadah dan kepolisan. Beliau juga turut mempunyai pengalaman yang luas mengenai bidang kepolisan kerana pernah ditugaskan di dalam unit bahagian yang berlainan di dalam Polis Diraja Malaysia.

Kata Kunci: Polis, Kepolisan dan Keselamatan, ASP Abdul Rahim b Abdullah, Polis Diraja Malaysia, PDRM.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) ialah sebuah pasukan polis Malaysia yang terdiri daripada 111,450 orang pegawai dan anggota, dan beribupejabat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pasukan berseragam ini adalah unik disebabkan berbanding dengan negara lain, pertubuhan ini adalah terpusat, iaitu segala bentuk kepolisan dari polis tugas am (General Duties) ke perisikan adalah di bawah bidang kuasanya. Kini Ketua Polis Negara (jawatan tertinggi di PDRM) disandang oleh Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Timbalan Ketua Polis Negara pula disandang oleh Datuk Seri Mohd Bakri Zinin.

Dalam menjaga keamanan awam, PDRM dibantu oleh kumpulan sokongan yang terdiri dari Polis Tambahan, Sukarelawan Polis, Polis Bantuan, Kadet Polis dan kakitangan awam. Antara persatuan bekas polis dan tentera yang ada ialah Persatuan Bekas Polis dan Tentera Malaysia.

Selain 2 jabatan yang terlibat dalam pentadbiran iaitu Jabatan Pengurusan dan Jabatan Logistik, PDRM mempunyai 5 jabatan yang terlibat dalam pencegahan jenayah iaitu Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA), Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil. Jabatan-Jabatan ini diketuai oleh pengarah-pengarah yang berpangkat Komisioner Polis (Jeneral Tiga Bintang)